

### konsep pinjaman dalam islam

kategori pinjaman terbahagi kepada 2 iaitu *al-a'riyah* dan *al-qard*

**Al-riyah** hanya melibatkan barang atau benda yang tidak boleh musnah apabila digunakan dan boleh dikembalikan kepada keadaan asal seperti motosikal, kereta, pakaian. Tetapi kalau barang tersebut boleh musnah dengan mudah seperti sabun, maka akad pinjaman tersebut tidak sah.

**Al-qard** ialah pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan, atau timbangan. Seperti contoh amir memberi pinjaman duit kepada fattah dengan nilai RM50. Sekiranya telah tiba masa untuk fattah kembalikan wang tersebut, maka fattah perlu mengganti dengan nilai wang yang sama yang telah dia pinjam iaitu RM50 dan bukan memulangkan wang kertas yang asal.

### DEFINISI AL-QARD

**Al-Qard**: bahasa bermaksud al-qat'u(-potong)

**Istilah**: al-qard merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut sama nilai dengan harta yang telah diambil oleh penghutang tanpa sebarang penambahan. Ia dilarang membuat sebarang penambahan kerana ia amat ditegah dalam islam kerana ia dianggap sebagai riba'.

### LARANGAN RIBA

larangan riba adalah jelas lagi nyata berdasarkan kepada firman Allah S.W.T dalam surah al-baqarah ayat;

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

maksudnya ; padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.

Allah S.W.T Juga telah memberi peringatan kepada orang yang beriman agar tidak memakan riba sebaliknya mereka diseru supaya bertaqwa hanyalah kepada Allah.

selain itu, **dosa orang yang melakukan riba juga adlah amat berat di sisi Allah S.W.T**

### hukum al-qard al-hassan

hukum pelaksanaan qard hasan adalah **sunat**

### prinsip al-qard al-hassan

prinsip muamalah islam secara jelas mengahramkan jual beli yang mempunyai unsur riba

**al-qard al-hassan** bermaksud pinjaman yang baik

Ia merupakan kebaikan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan tanpa dikenakan tambahan.

### rukun al-qard

**pemiutang**- orang yang meminjamkan

**penghutang/peminjam**- si yang berhutang

**benda yang dipinjam**

**sighah**-ijab dan qabul

### bantuan kepada asnaf al-gharimin

**institusi zakat**-Mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi

-Golongan yang berkemampuan untuk mengeluarkan zakat mampu meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik.

-dapat memupuk nilai simpati dalam setiap orang

### bantuan kepada asnaf al-gharimin

**institusi zakat**-Mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi

-Golongan yang berkemampuan untuk mengeluarkan zakat mampu meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik.

-dapat memupuk nilai simpati dalam setiap orang

### jenis asnaf

### objektif al-qard al-hassan

-membantu golongan asnaf.

-untuk memberikan bantuan kepada yang bukan islam biar mereka tahu bahawa agama islam adalah agama yang tiada kezaliman.

-untuk mendapatkan keberkatan terhadap Allah dan disenangi oleh semua makhluk

### prinsip umum ketika berhutang

-setiap yang berhutang perlu membuat sesuatu untuk dia mengingati bilakah waktu yang perlu dia kembalikan contohnya mencatat di nota atau sebagainya

-si pemberi hutang tidak boleh menambahkan bayaran walaupun si penghutang itu memulangkan bukan pada waktu yang ditetapkan.

### kesimpulan

Sebagai seorang muslim, dalam islam sangat menunjukkan betapa pentingnya islam dalam kehidupan seharian serta perlu menunjukkan sifat yang baik agar mendapat ganjaran yang setimpal di dunia dan juga akhirat supaya dapat menarik perhatian terhadap orang bukan islam sekali gus.

---

**8 asnaf-miskin**

-fakir

-amilin

-mualaf

-riqab

-gharimin

-fisabilillah

-ibnu sabil

---



---

By **osman syamsul**  
[cheatography.com/osman-syamsul/](http://cheatography.com/osman-syamsul/)

Published 24th June, 2020.  
Last updated 24th June, 2020.  
Page 1 of 2.

---

Sponsored by **CrosswordCheats.com**  
Learn to solve cryptic crosswords!  
<http://crosswordcheats.com>